

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**KAWASAN** : **SUNGAI SIPUT**

**TARIKH** : **19.6.2014 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN** : **155**

**YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan memberitahu sebab-sebabnya negara Indonesia dan Thailand tidak mengambil bahagian dalam perundingan TPPA.

### Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Sebagai makluman, Rundingan Perjanjian Perkongsian Trans Pacific (TPPA) dibentuk atas perjanjian perdagangan bebas (P4) yang ditandatangani oleh New Zealand, Singapura, Chile dan Brunei Darussalam pada 2005 dan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 2009. P4 seterusnya diperluaskan dan rundingan TPPA bermula dengan kemasukan Amerika Syarikat, Australia, Peru dan Viet Nam pada Mac 2010. Malaysia menyertai rundingan pada bulan Oktober 2010.

Rundingan TPPA kemudiannya disertai oleh Kanada, Mexico dan Jepun.

Pendirian semua anggota TPPA adalah bahawa perjanjian ini boleh menjadi asas kepada pembentukan Perjanjian Perdagangan Bebas Asia Pasifik (FTAAP) yang akan merangkumi semua ekonomi APEC, di mana negara Indonesia dan Thailand juga merupakan ahli kepadanya.

Keanggotaan dalam TPPA adalah atas prinsip sukarela. Setiap anggota APEC, termasuk Indonesia dan Thailand, adalah bebas untuk menentukan bila mereka hendak menyertai TPPA.

Mengenai persoalan yang ditanyakan sebab-sebab mereka tidak berada di dalam TPPA, Kerajaan tidak bercadang untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kerajaan Indonesia dan Thailand kerana masing-masing negara mempunyai asas pertimbangan tersendiri dalam menentukan hala tuju perdagangan antarabangsa. Berbanding dengan Indonesia dan Thailand yang mempunyai bilangan penduduk masing-masing seramai 252 juta dan 67 juta orang, Malaysia hanya mempunyai penduduk seramai 30 juta orang. Dengan pasaran domestik yang kecil, adalah penting bagi Malaysia untuk meluaskan lagi akses pasaran bebas cukai bagi produk-produk Malaysia. Jika direalisasikan, TPPA akan membentuk pasaran bebas cukai yang besar membabitkan 800 juta penduduk dengan gabungan KDNK AS\$27.5 trilion.